

## ARKID ADUAN & PERTANYAAN 2016

### KEHILANGAN SIJIL STU

Saya ingin bertanya sekiranya saya telah kehilangan sijil Tinggi Ugama tahun 1997 semasa berpindah..apakah saya perlu lakukan.

### JAWAPAN KEPADA ADUAN

Assalamualaikum,

Untuk mendapatkan kembali sijil STU (Sijil Tinggi Ugama) yang hilang puan perlu sertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut sewaktu ingin mengambilnya di Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri :

1. Perlu mengisi borang yang disediakan di Unit Penilaian Peperiksaan, Pejabat Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri.
2. Bayaran sebanyak RM20
3. 2 keping gambar berukuran passport
4. Tahun mengambil Sijil Tinggi Ugama
5. Nama Sekolah

Alternatif kepada pemohon yang berada luar dari Kelantan, sila pos bersama :

1. Surat Permohonan
2. Wang Pos sebanyak RM20
3. 2 keping gambar berukuran passport
4. Tahun mengambil Sijil Tinggi Ugama
5. Nama Sekolah

### MEMBELI SALINAN SOALAN SEBENAR PEPERIKSAAN SMU

Berhubung dengan perkara diatas sukacita dimaklumkan bahawa saya ingin membeli salinan soalan sebenar Peperiksaan SMU tahun 2015 yang diadakan disekolah-sekolah YIK. Diharap pihak tuan dapat mengeirimkan soalan tersebut ke alamat saya : FAISAL B. HJ. YAHAYA. No 2, Hadapan SMA Yayasan KHairiah, Kg Pisang, 09200 Kupang, Baling, Kedah.

### JAWAPAN KEPADA ADUAN

Assalamualaikum,

Merujuk kepada permintaan pihak tuan yang ingin membeli salinan soalan Peperiksaan SMU tahun 2015, Unit Penilaian dan Peperiksaan Yayasan Islam Kelantan akan menghubungi pihak tuan bagi urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

### **MEMOHON ANGKA GILIRAN PEPERIKSAAN STAM**

saya nak tanya,, angka giliran peperiksaan stam 2015..yang saya punya...,sekolah maahad muhammad rantau panjang

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Assalamualaikum,

Untuk mendapatkan angka giliran peperiksaan STAM saudara, sila berurusan dengan S/U (Setiausaha) STAM Sekolah atau JPN (Jabatan Pendidikan Negeri).

Sekian, terima kasih.

### **KEHILANGAN SIJIL SMU**

Assalamualaikum,

Saya ingin mendapatkan kembali salinan baru sijil menengah agama saya yang hilang. Apakah yang boleh saya lakukan?

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Saudara boleh mendapatkan Sijil SMU saudara kembali di Unit Penilaian Dan Peperiksaan di Pejabat Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri. Antara dokumen-dokumen yang diperlukan :

1. Tarikh Peperiksaan
2. Nama Sekolah
3. Gambar berukuran passport 2 keping
4. Bayaran wang tunai sebanyak RM20 sahaja

Sekian, terima kasih.